

**SENI VISUAL DALAM KONTEKS GEJALA SOSIAL DI MALAYSIA:
INTERPRETASI SIMBOLIK PADA KARYA CATAN FAWWAZ SUKRI**
**VISUAL ART IN THE CONTEXT OF SOCIAL PROBLEMS IN MALAYSIA:
SYMBOLIC INTERPRETATION OF FAWWAZ SUKRI'S PAINTINGS**

Issarezal Ismail¹

Humin Jusilin²

¹*Universiti Teknologi Mara*

²*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*

issarezal78@gmail.com¹; zumin198@yahoo.com.my²

Tarikh diterima: 12 Mei 2020 / Tarikh dihantar: 14 Jun 2020

ABSTRAK

Seni visual kontemporari hari ini merupakan refleksi dari pelbagai fenomena yang terjadi dalam masyarakat dan kebudayaan di mana karya seni visual itu diciptakan. Kajian ini bertujuan untuk mendekati, memahami dan menjelaskan karya seni visual Fawwaz Sukri dalam konteks gejala sosial yang mencakupi aspek simbol dan maknanya. Pendekatan kualitatif yang menekankan pada sistem penjelasan yang bersifat deskriptif, holistik, terperinci dan mendalam digunakan, sekali gus dihubungkan dengan cara pandang interpretasi simbolik yang berfungsi sebagai perangkat analisis untuk menginterpretasi makna simbolik karya seni visual berdasarkan pelbagai sumber data seperti pemerhatian, temu bual dan dokumen. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa karya seni visual ciptaan Fawwaz Sukri merefleksikan pelbagai isu atau persoalan gejala sosial seperti sumbang mahram, gaya hidup bebas, pembuangan bayi dan pelacuran. Isu dan persoalan tersebut diekspresikannya melalui penerapan simbol dan tanda yang bersumber dari budaya Melayu, budaya popular dan pengalaman peribadi di mana kesemuanya itu menitip kefahaman simbolik terhadap kepelbagaian makna dan pesan yang sarat dengan muatan kritik sosial dan juga kemanusiaan.

Kata kunci: Seni visual, gejala sosial, interpretasi simbolik, Fawwaz Sukri, catan.

ABSTRACT

Contemporary visual art today reflects various phenomena or situations that occur in society and culture in which the visual artwork was created. This study aims to investigate, understand and explain the visual artwork of Fawwaz Sukri in the context of social problems that cover aspects of symbol and meaning. A qualitative approach that emphasize on a system of descriptive, holistic, detailed and in-depth explanatory systems is used in conjunction with a symbolic interpretive approach

that serves as an analytical tool to interpret the symbolic meaning of visual art based on various data sources such as observation, interview and documents. Findings of this study have shown that Fawwaz Sukri's artworks reflects various issues of social problems such as incest, free lifestyle, abortion and prostitution. All this issue was expressed through the application of symbols and signs that come from the Malay culture, popular culture and personal experience in which all of them convey symbolic understanding of the diversity of meanings and messages laden with loads of social criticism and humanity.

Keywords: Visual art, social problems, symbolic interpretation, Fawwaz Sukri, paintings.

PENDAHULUAN

Karya seni visual mutakhir ini sering disebut sebagai seni visual kontemporari. Sifat kekinian seni visual dapat dikatakan sebagai suatu refleksi atau cerminan kepada situasi, gejala atau fenomena masyarakat dan kebudayaan di mana karya seni visual itu dicipta. Hal ini cuba dipertegaskan oleh Turner (1999: 23) yang menyatakan bahawa seni visual kontemporari adalah produk dari pertembungan masa lalu, masa kini dan masa hadapan. Kontemporari bersifat sebagai satu bentuk konfrontasi, iaitu segala bentuk fenomena yang terjadi di bidang ekonomi, teknologi, masyarakat dan juga kebudayaan. Justeru, kesemuanya saling berinteraksi secara timbal balik di antara satu sama lain.

Penjelasan di atas sekurang-kurangnya mengisyaratkan bahawa seni visual kontemporari pada saat ini hadir sebagai sebuah ruang bagi para seniman merefleksikan kembali isu atau permasalahan masyarakat dan kebudayaan di sekitarnya. Seperti yang diungkapkan oleh Saidi (2008: 1) bahawa kelahiran sebuah karya seni visual selalu dimotivasikan oleh pelbagai persoalan yang terjadi dalam masyarakat mahupun kebudayaan. Tambahan pula, karya seni visual tidak diwujudkan dalam ruang vakum, sebaliknya sangat dipengaruhi oleh latar ruang dan juga waktu di mana ia dilahirkan.

Realiti social budaya selepas negara ini memasuki zaman milenium ketiga telah menimbulkan sejumlah polemik. Di satu sisi, terdapat kemajuan yang signifikan dalam bidang teknologi yang bukan sahaja diterjemahkan melalui pembangunan infrastruktur tetapi juga implikasinya terhadap perubahan gaya hidup masyarakatnya. Bagaimanapun, di sisi lain pula timbul pelbagai cabaran ketika terjadinya penurunan nilai moral, etika dan budaya pada sebilangan anggota masyarakat sehingga mewujudkan gejala sosial. Antara gejala sosial yang sangat ketara sejak akhir-akhir ini termasuklah rasuah, pembuangan bayi, penderaan, keganasan rumah tangga, pelacuran, pembunuhan, buli siber, penagihan dadah dan lain-lain lagi.

Cabaran atau tantangan tersebut mahu tidak mahu harus dihadapi dalam konteks seni visual. Hal tersebut mampu ditanggapi melalui penciptaan karya seni visual khususnya yang dihasilkan oleh seniman generasi muda. Generasi muda ini bukan sahaja memiliki potensi dan minat untuk berhadapan dengan gejala sosial budaya pada zamannya tetapi juga sering bersikap kritis, memiliki kepekaan mendalam serta daya empati yang tinggi terhadap apa sahaja persoalan atau permasalahan yang muncul di persekitaran dan lingkungan hidup mereka (Linton, 1984: 122–124).

Berdasarkan situasi tersebut, iaitu mengambil kira deskripsi pengenalan yang telah diberikan di atas, menyebakan suatu desakan untuk mendekati, menyiasat dan menjelaskan karya seni catatan hasil ciptaan Fawwaz Sukri, yang mewakili seniman generasi muda di Malaysia. Pemilihan Fawwaz Sukri sebagai subjek kajian dilakukan kerana karya-karya beliau amat bersesuaian dengan topik kajian ini. Selain itu, penglibatan, pencapaian dan pengiktirafan yang dimilikinya sepanjang berkecimpung dalam bidang seni visual di Malaysia, dikenali sejak satu dekad kebelakangan ini.

Selari dengan persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini, tujuan atau objektif ialah apakah fenomena gejala sosial yang menjadi latar kontekstual bagi karya seni visual yang diciptakan, bagaimana karya seni visual diekspresikan melalui simbol atau tanda dan apakah makna yang dihasilkan melalui simbol yang diterapkan dalam karya tersebut.

TINJAUAN LITERATUR

Perkembangan seni visual di Malaysia atau berjalan secara berterusan. Sungguhpun ada pandangan yang mengatakan bahawa perkembangan yang signifikan terjadi di bidang praktis, perkembangan tersebut masih tidak mampu diimbangi oleh bidang penulisan. Nur Hanim (2003: X) misalnya mengatakan bahawa kajian ilmiah dalam bidang seni visual di negara ini masih banyak tertumpu pada kritik popular. Pada umumnya, penulisan itu berkaitan dengan tulisan yang bersifat jurnalistik. Oleh itu, kajian-kajian ilmiah dalam pelbagai bentuk wacana baharu sangat diperlukan agar dapat memberi sumbangan kepada kemajuan bidang seni visual. Penulisan ilmiah dalam bidang seni visual agak terbatas. Namun tidak dinafikan bahawa perbincangan tentang seni visual dalam konteks sosial atau masyarakat telah menjadi tema penulisan oleh beberapa orang penulis melalui artikel jurnal, kertas kerja prosiding atau tulisan bab dalam buku.

Norzaliza dan Maizatul Azura (2018: 30–41) menerusi artikel dalam jurnal bertajuk “*Perpaduan dalam Seni Lukis Kartun: Analisis Semiotik*”, mengetengahkan topik seni visual dan kaitannya dengan perpaduan masyarakat. Beberapa karya kartun sebagai objek utama kajian ini dianalisis menerusi pendekatan semiotik. Kajian ini mendapati bahawa karya kartun dalam seni visual dapat mengetengahkan konsep perpaduan kaum melalui penggunaan tanda visual dan tanda teks. Justeru, ia mampu berfungsi sebagai satu sarana untuk memupuk semangat kekitaan dalam kalangan para pembaca yang berbilang kaum di negara ini.

Mohamad Kamal dan Rahman (2016: 23–38) melalui artikel yang berjudul “*Kritikan Seni: Satu Tinjauan terhadap Karya-karya Mohamad Hoessein Enas dan Syed Ahmad Jamal sebagai Seni Warisan Bangsa dan Warisan Melayu*” melihat hubungan karya seni visual dengan tema-tema sosial masyarakat Melayu. Pendekatan kritikan seni digunakan untuk menganalisis karya-karya catan daripada dua orang pelukis tersohor Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa kewujudan karya seni visual atau catan tidak terlepas daripada pengaruh pelbagai peristiwa atau fenomena masyarakat dan kebudayaan. Perkaitan antara masyarakat dan kebudayaan tersebut akan menyerlahkan asas ketamadunan sesebuah bangsa.

Senada dengan tulisan di atas, Sarena Abdullah (2013: 179–193) menulis artikel yang berjudul “*Artis-artis Melayu dan Situasi Pascamoden: Pendekatan-pendekatan Bertema Semenjak 1990-an*”. Tulisan ini merupakan sebahagian dari bab dalam buku *Naratif Seni Rupa Malaysia* yang memaparkan pelbagai versi tema. Penulis menjelaskan reaksi terhadap ‘Strategi Kritis Baru’ cuba mengupas pertalian antara tema dalam seni visual dengan situasi kehidupan sosial dan budaya seniman Melayu. Tulisan ini lebih menumpukan situasi sosial dan budaya sejak tahun 1990-an. Kupasan artikel tersebut menyimpulkan bahawa karya seni visual sezaman merupakan refleksi dari situasi pascamoden melalui tema-tema yang digarap menerusi sikap kritis seniman terhadap zamannya.

Tulisan Mark Teh (2013: 112–129) bertajuk “*13 Mei yang Lain: Sejarah Reaksi Seni yang Belum Berkesudahan*” dimuatkan dalam buku *Naratif Seni Rupa Malaysia*. Artikel ini adalah reaksi terhadap ‘Strategi Kritis Baru’ yang melihat hubungan seni visual dengan peristiwa sosial, iaitu tragedi 13 Mei 1969. Beliau mengambil contoh beberapa karya seni visual dari awal 1970-an sehingga awal dekad 2000-an. Tulisan ini menyimpulkan bahawa karya seni visual berfungsi sebagai wadah bagi seniman untuk bertindak balas dengan situasi atau hal-hal yang tidak boleh dibincangkan. Seterusnya, karya seni visual menjadi alternatif kepada munculnya naratif-naratif atau wacana-wacana yang berlawanan dengan arus perdana.

Artikel yang paling hampir dengan topik dan tema kajian ini bertajuk, “*Kritik Sosial dalam Karya Seni Cetakan Pangrok Sulap di Malaysia*” oleh Mohd Azdy Shahrin (2019: 555–564) yang dimuatkan dalam prosiding Seminar Kebangsaan Pascasiswazah Sains Sosial dan Kemanusiaan di Universiti Malaysia Sabah. Tulisan ini berusaha untuk menjelaskan hubungan antara karya seni cetakan kayu dan fungisnya sebagai medium kritikan sosial melalui kaedah interpretasi dan analisis kandungan. Kajian ini mendapati bahawa karya seni visual dari kolektif Pangrok Sulap memaparkan tema alam sekitar. Karya cetakan ini mewakili situasi sebenar kehidupan di Sabah khususnya di kawasan pedalaman melalui penonjolan simbol dan tanda yang bersifat tipikal dengan kehidupan masyarakat negeri Sabah.


Kajian dalam kalangan penulis tentang topik seni visual dalam konteks sosial atau masyarakat agak terbatas bilangannya. Dapat disimpulkan meskipun dalam keterbatasannya, kajian tentang seni visual dalam konteks sosial masih terus-menerus diperjuangkan oleh ahli akademik yang mencakup pelbagai topik seperti karakter, nilai dan peristiwa sosial sebagai latar kontekstual yang menjadi isu atau permasalahan bagi mewujudkan tema, bentuk, simbol dan makna karya seni dalam kalangan seniman. Sungguhpun terdapat tulisan terperinci membincangkan permasalahan sosial dan hubungannya dengan karya seni visual, tampaknya tulisan tersebut hanya mencakupi sebahagian kecil dari topik atau tema besar dalam kajian ini. Berdasarkan hal tersebut, kajian ini mampu menempatkan kedudukan atau posisinya di tengah-tengah kajian-kajian terdahulu yang pernah dilaksanakan.

METODOLOGI

Metode yang dicadangkan untuk mendekati, memahami dan seterusnya menjelaskan karya seni visual dari Fawwaz Sukri, menggunakan kerangka kajian seni yang asas-asasnya berdasarkan kerangka kajian kualitatif. Metodologi ini selaras dengan ungkapan Creswell (2014: 4) yang menjelaskan bahawa kajian kualitatif sangat berpotensi bagi meneroka dan memahami makna-makna simbolik yang berhasil daripada kegiatan manusia dari segi masalah kemanusiaan, kemasyarakatan atau kebudayaan.

Harus ditegaskan bahawa tidak semua karya seni visual yang dicipta oleh Fawwaz Sukri termasuk dalam tema dan konteks permasalahan yang ingin dibincangkan dalam kajian ini. Hal demikian bermakna hanya sebilangan karyanya sahaja yang dianalisis. Kriteria utama yang digunakan sebagai panduan bagi pemilihan karya-karya seni visual itu ditentukan melalui tema yang dibawa oleh karya seni visual tersebut yang setidak-tidaknya menunjukkan isu atau persoalan yang berkaitan dengan gejala sosial.

Kajian ini akan menganalisis sejumlah karya seni visual terpilih daripada Fawwaz Sukri melalui pendekatan interpretasi simbolik mengikut model Rohidi (2011: 223–225) seperti yang digambarkan dalam bentuk model berikut:



Sumber: Rohidi (2011)

Rajah 1 Model interpretasi simbolik karya seni visual

Berdasarkan model pendekatan interpretasi simbolik yang digambarkan di atas, karya seni visual (a) merupakan fakta objektif tentang fenomena seni visual yang diletakkan di tengah-tengah rupa segi tiga. Seterusnya, dilingkari oleh simbol (b) yang merupakan ekspresi tampak pada permukaan karya seni dan berfungsi sebagai pengantara yang membawa kefahaman makna di bahagian (d). Makna atau maksud yang berada di sebalik kehadiran simbol dalam konteks karya seni visual hanya mampu dimaknai berdasarkan konteks (c). Hal ini demikian kerana sesuatu yang bermakna atau dapat dimaknai adalah berdasarkan konteks tertentu. Akhir sekali, simbol, konteks dan makna dapat ditentu, dijelas dan ditafsirkan ketika ketiga-tiganya memiliki hubungan timbal balik antara satu sama lain seperti yang ditunjukkan melalui anak panah dan garisan putus-putus pada arah yang bertentangan.

Penjelasan tentang model interpretasi simbolik di atas, secara intrinsiknya dapat difahami bahawa interpretasi memiliki tiga gerak kerja yang berbeza namun saling berkait antara satu sama lain.

Pertama, interpretasi adalah proses untuk merujuk atau mengungkapkan sesuatu sebagai imej realiti. Dalam konteks karya seni visual, interpretasi ini berkaitan dengan proses mengidentifikasi setiap satu unsur visual, baik berupa subjek kajian, media atau teknik maupun unsur seni yang berpotensi secara langsung menjadi simbol atau tanda dalam sebuah karya seni.

Kedua, interpretasi adalah suatu proses menerangkan atau menjelaskan. Proses interpretasi dilaksanakan dengan memasukkan faktor luar yang disebut sebagai konteks, sehingga suatu simbol dapat diterangkan atau dijelaskan. Hal ini bermakna, simbol dari karya seni visual memerlukan pemahaman dari aspek situasinya agar simbol dan makna dapat difahami dengan baik.

Ketiga, interpretasi adalah proses penterjemahan. Tujuan akhir interpretasi adalah memindahkan erti. Penterjemah dalam kaedah ini bukan sahaja menentukan sebuah “kata” atau “kalimat” tetapi menyingkap isi atau mesej yang ingin disampaikan atau dikomunikasikan. Isi atau mesej sesebuah karya seni diserahkan melalui simbol berdasarkan konteksnya yang khusus.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Karya-karya seni visual oleh Fawwaz Sukri dicipta dalam situasi masyarakat dan kebudayaan di negara ini yang sedang dilanda pelbagai fenomena gejala sosial. Antara fenomena dan gejala sosial yang menjadi latar kontekstual dalam penciptaan karya-karyanya dikaitkan dengan hubungan sumbang mahram, gaya hidup bebas, pembuangan bayi dan pelacuran. Perincian dan interpretasi simbolik terhadap karya-karyanya dalam kajian ini ditunjukkan seperti dalam (Foto 1 hingga 4).

Karya Seni Visual dan Gejala Sosial Sumbang Mahram



Sumber: Fawwaz Sukri

Foto 1 *Taboo Love*, 2014, cat akrilik di atas kanvas, 152sm x 122sm

Karya *Taboo Love* (2014) diilhamkan dari gejala sosial, iaitu sumbang mahram atau *incest*. Meskipun itu bukanlah satu gejala sosial yang baharu tetapi menurut Fawwaz kewujudannya sangat dirasakan ketika itu kerana menjadi topik utama perbincangan di media massa dan media sosial. Kamarul Azmi dan Ahmad Kilani (2013: 3–4) menyatakan walaupun jumlah kes sumbang mahram memperlihatkan penurunan dari segi jumlah kes, tetapi angka statistiknya dikatakan masih membimbangkan. Pelaku utamanya adalah kaum keluarga lelaki iaitu ayah, abang, datuk atau ayah saudara kepada ahli keluarga perempuan yang terdiri daripada anak perempuan, cucu perempuan, adik perempuan atau anak saudara perempuan.

Karya catan akrilik (Foto 1) di atas kanvas ini menggambarkan satu babak dari peristiwa serangan seksual yang menggunakan simbol imej seekor ikan haruan dan remaja perempuan. Dalam konteks gejala sumbang mahram, budaya Melayu memiliki peribahasa berbunyi “*ibarat haruan makan anaknya*” yang bermaksud seorang bapa, bapa saudara, abang atau datuk yang memperkosa anak, anak saudara, adik atau cucu sendiri. Peristiwa serangan seksual yang dimaksudkan dalam karya ini melibatkan seorang lelaki daripada ahli keluarganya sendiri. Penampilan imej karya dengan mengaplikasikan gaya Pop Surrealisme itu tampaknya dipengaruhi oleh objek budaya popular, iaitu buku komik. Pengaruhnya dapat dilihat melalui gabungan unsur teks dan unsur visual, selain dari garapan warna-warna terang dan rupa bentuk subjek kajian yang disederhanakan. Di sini, Fawwaz seakan-akan ingin berkongsi kisah tidak bermoral itu kepada sesiapa sahaja yang mengapresiasi karyanya.

Imej ikan haruan yang hanya memperlihatkan bahagian kepala digarap dengan skala ukuran yang besar. Komposisinya ditempatkan paling atas sambil membelit betis figura perempuan dengan lidahnya yang panjang. Kesan pada kadar banding yang tidak seimbang, tambahan pula aksi tersebut menimbulkan kesan simbolik sebagai elemen kekuatan fizikal si pemangsa yang bernafsu buas dan mendominasi mangsanya dengan dengan cara penuh paksaan. Gambaran serangan seksual juga terkesan sebagai sebuah peristiwa mencemaskan. Hal ini dipaparkan pada ekspresi wajah remaja perempuan yang tegang sambil pandangannya diarahkan kepada pemerhati karya ini. Setidak-tidaknya mengungkapkan perasaan yang penuh dengan rasa takut, cemas dan risau. Kedua belah tangannya pula merangkul erat kaki yang dilipatkan separas dada menandakan penolakan, sekali gus ingin mempertahankan diri dari bentuk serangan seksual yang sedang dihadapi olehnya.

Selain unsur visual, karya ini juga memuatkan unsur teks berupa kalimat yang dapat dibaca sebagai “*TABOO LOVE FOR ONLY 90c*” atau dapat diterjemahkan sebagai “CINTA TABU DENGAN HANYA 90SEN”. Jika diamati secara saksama, tabu merupakan sesuatu yang dilarang, diharamkan dan ditegah daripada diungkapkan, disentuh dan sebagainya. Berdasarkan takrifan tersebut, menjelaskan bahawa ayat yang digunakan oleh Fawwaz sebagai simbol sindiran kepada pelaku serangan seksual sumbang mahram. Perlakuan tersebut adalah hal terlarang akibat tidak mempedulikan nilai dan norma sosial sendiri.

Berdasarkan pada penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa simbol-simbol dalam karya ini memuatkan makna tentang keganasan seksual. Dalam hal ini, manusia atau individu yang bernafsu buas tidak lagi mempedulikan nilai dan norma sosial sehingga sanggup menodai kesucian ahli keluarganya sendiri demi melampiaskan dorongan seksualnya.

Karya Seni Visual dan Gejala Sosial Gaya Hidup Bebas



Sumber: Fawwaz Sukri

Foto 2 *Sugar Daddy*, 2014, cat akrilik di atas kanvas, 120sm x 90sm

Karya *Sugar Daddy* (2014) diinspirasikan dari gejala gaya hidup bebas yang sering disebut sebagai “*sugar relationship*” atau satu bentuk hubungan di antara perempuan muda yang cantik dan lelaki dewasa atau tua yang kaya. Mereka menjalin hubungan yang saling menguntungkan (Gobind & Plessis, 2015: 6720). Mengulas lanjut tentang hal tersebut, Yee dan Mei (2015: 6) menyatakan bahawa di era teknologi informasi dan komunikasi, kewujudan laman sesawang dan

aplikasi menyebabkan gejala ini berkembang di Malaysia khususnya di kawasan bandar. Pelaku utama ialah lelaki (*sugar daddy*) yang kebanyakannya golongan kaya, manakala perempuan (*sugar baby*) adalah dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan kolej pendidikan tinggi.

Karya catan akrilik (Foto 2) memaparkan gambaran kisah hubungan intim dari sepasang kekasih yang diwakili oleh seorang perempuan muda dan seorang lelaki bertubuh cimpanzi. Kesan keintiman dari hubungan tersebut dipaparkan oleh Fawwaz melalui susunan komposisi figura-figura tersebut dalam aksi sedang duduk berdekatan, berpeluk dan saling bersentuhan kulit. Gambaran ini sebagai satu ekspresi tubuh yang sering kali dapat dihubungkan dengan perlakuan orang-orang yang sedang asyik dilamun cinta. Seperti karya sebelumnya, Fawwaz sekali lagi mengekalkan paparan imej dengan gaya dan bentuk objek budaya popular, iaitu komik. Gambaran ini diperlihatkan dengan gabungan unsur teks dan imej melalui garapan unsur seni seperti warna yang terang, garisan kontur yang jelas dan rupa subjek kajian yang disederhanakan. Pemilihan muka hadapan komik sebagai penampilan visual seperti itu menjadi simbol tentang sebuah kisah, cerita ataupun naratif tentang sesuatu.


Penegasan terhadap kisah tersebut ditunjukkan oleh Fawwaz melalui unsur teks yang tertera di bahagian komposisi atas karya dengan kalimat “*I'M WILLING TO SACRIFICE FOR MY SWEET SUGAR DADDY.*” Kalimat ini menunjukkan fokus gambaran pada karya sebagai kisah pengorbanan seorang perempuan (*sugar baby*) kepada seorang lelaki (*sugar daddy*). Secara tersirat, pengorbanan perempuan itu divisualkan melalui objek-objek pada ruang dan latar belakang karya. Objek bangku bar dan ruang *interior* yang membentangkan panorama laut yang cantik serta papan tanda sebuah motel. Imej tersebut menyimbolkan fungsi perempuan muda sebagai pendamping untuk berhibur dan teman berkongsi ranjang kepada pasangannya.

Dilihat secara lebih spesifik, atribut, aksesori dan gaya pemakaian baju batik dipakai oleh lelaki bertubuh cimpanzi menunjukkan dirinya sebagai seorang lelaki tua yang kaya. Konseptual ini digambarkan oleh Fawwaz melalui gaya Pop Surrealisme sebagai seorang lelaki yang memiliki sifat dominan serta berkemampuan melindungi pasangannya. Penggunaan simbol haiwan bernama cimpanzi terkenal dengan sifat kejantanan atau disebut sebagai *alpha male*. Sedangkan, atribut, aksesori dan gaya pemakaian moden yang dipakai oleh *Sugar baby* menunjukkan dirinya sebagai seorang perempuan muda yang cantik, mahir berdandan dan bercita rasa tinggi. Meskipun muda dan cantik, sifat dan perwatakannya diperlihatkan sebagai seorang perempuan yang memiliki nafsu

materialistik dan sanggup menggadai maruah dirinya. Hal ini diperjelaskan melalui perlakuannya yang merangkul kemas baju batik pasangannya sambil membiarkan pasangannya memegang bahagian tubuhnya (paha) yang dianggap suci dan peribadi.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa penggunaan simbol-simbol dalam karya ini memuatkan mesej tentang pengorbanan dan nafsu. Demi mencapai hasrat dan tujuan, manusia sanggup mengorbankan maruah diri dan wang ringgit atas nama cinta meskipun satu hubungan cinta yang bertentangan dengan norma sosial dan nilai budaya.

Karya Seni Visual dan Gejala Sosial Pembuangan Bayi



Sumber: Fawwaz Sukri

Foto 3 *Savior*, 2014, cat akrilik di atas kanvas, 100sm x 80sm

Karya *Savior* (2014) pada Foto 3 tercetus daripada fenomena gejala sosial yang menyayat hati, iaitu pembuangan bayi. Dilema penyakit sosial ini semakin membimbangkan. Berdasarkan sumber statistik yang diperoleh, angka serta kes pembuangan bayi mengalami peningkatan yang serius. Secara purata, sebanyak 100 orang bayi dibuang setiap tahun di Malaysia. Kebanyakannya telah mati apabila ditemui. Dikatakan bahawa kumpulan generasi muda antara 18 hingga 40 tahun merupakan penyumbang utama kepada kes ini. Gejala ini selalu berlaku disebabkan oleh amalan seks luar nikah yang menyebabkan kehamilan yang tidak dirancang (Norulhuda, 2012: 121).

Karya catan akrilik di atas kanvas ini merupakan gambaran peristiwa penyelamatan oleh seekor anjing kepada bayi yang dibuang. Fawwaz menyampaikan imej karya yang kental dengan gaya Pop Surrealisme. Karya ini dihasilkan berdasarkan pengalaman peribadinya setalah membaca sebuah keratan berita di akhbar tempatan. Berita menyayat hati mengisahkan seorang bayi diselamatkan oleh seorang penduduk setelah anjing peliharaannya menjumpai bayi tersebut di sebuah kawasan semak di satu kawasan taman perumahan di Semenanjung.

Imej tersebut dipaparkan melalui serangkaian tanda dan simbol tubuh bayi yang berwarna pucat lesu, tidak berpakaian dan hanya berbalut dengan kain pelikat. Imej ini adalah petanda bahawa bayi itu baharu sahaja dilahirkan dalam keadaan orang tuanya tidak bersedia menyambut kelahirannya. Keberadaan bayi tersebut di kawasan tanah berumput tanpa kehadiran orang tua menjadi petanda bahawa ia baharu sahaja dibuang atau ditinggalkan yang menjelaskan sifat kekejaman manusia atau orang tua ke atas anaknya sendiri.

Imej haiwan, iaitu anjing merefleksikan makna dari sifat yang sama sekali berbeza atau sifat paradoks. Penampilan anjing yang sedang menggonggong kain pelikat berisi figura bayi sebagai petanda penemuan mangsa di kawasan semak. Pandangan matanya yang redup dan melihat tepat ke arah pemerhati menandakan sisi emosi haiwan pelihaharaan itu penuh dengan rasa simpati. Perasaan dan belas kasihan terhadap bayi berkenaan menandakan simbol kasih sayang antara haiwan dan manusia.


Secara terselindung, Fawwaz menyusun imej teks dalam karya yang dapat dibaca secara terbalik sebagai “SAVIOR” atau “PENYELAMAT” dan diwarnakan hitam. Kesan penampilan imej huruf terbalik menunjukkan makna simbolik yang berlawanan atau bertentangan dengan makna asalnya, iaitu pengkhianat atau penjahat. Mesejnya amat jelas bahawa Fawwaz menggunakan sebagai sindiran kepada segelintir manusia yang sanggup membuang bayinya sendiri. Pelaku digambarkan sebagai pengkhianat atau mengkhianati anugerah Tuhan yang diberikan kepada mereka. Hal ini selari dengan maksud simbolik warna hitam dalam budaya Melayu sebagai simbol bagi sifat manusia yang negatif, kasar, jahat, kejam dan penuh penindasan (Nurrizati, 2014: 22).

Pada bahagian bawah karya memaparkan imej kepala-kepala bayi yang terdampar di atas kawasan semak. Ekspresi wajah yang datar dengan mata terbuka luas menandakan bahawa kanak-kanak ini seperti tidak bernyawa atau meninggal dunia. Kesan calar, jahitan dan retak pada wajah mereka menandakan kesan

penderitaan yang terpaksa ditempuh akibat dibuang oleh orang tua di tempat terbuka yang terdedah dengan pelbagai risiko dan bahaya. Makna penderitaan ini ditegaskan lagi melalui garapan warna-warna merah yang suram sehingga membangkitkan kesan empati kepada sesiapa yang melihatnya.

Berdasarkan pada penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa simbol-simbol yang digunakan dalam karya ini memuatkan mesej tentang kekejaman dan penderitaan. Dalam hal ini, kekejaman mendorong manusia menjadi pengkhianat terhadap anugerah Tuhan ke atas diri mereka sehingga sanggup melalukan penganiayaan terhadap anak kandung sendiri tanpa belas kasihan atau kasih sayang. Di sinilah ironinya menjelaskan ketika haiwan memiliki sifat manusiawi dan sebaliknya manusia memiliki sifat kebinatangan.

Karya Seni Visual dan Gejala Sosial Pelacuran



Sumber: Fawwaz Sukri

Foto 4 *Imported from Thailand*, 2017, cat akrilik di atas kanvas, 80sm x 80sm

Karya *Imported from Thailand* (2017) dalam Foto 4 diilhamkan berdasarkan gejala sosial, iaitu pelacuran. Pelacuran bukanlah satu fenomena baharu dalam kehidupan manusia. Di Malaysia, sebenarnya gejala ini dianggap sebagai gejala paling terkawal jika dibandingkan dengan negara-negara lain di Asia Tenggara. Meskipun begitu, gejala yang sukar dibendung ini tetap berleluasa khususnya di bandar-bandar besar. Jumlah sebenar yang terlibat dalam kancang tidak bermoral ini sukar ditentukan kerana angka-angka yang ada merupakan anggaran semata-mata. Mereka yang terlibat pada umumnya datang dari negara jiran seperti Thailand, Filipina dan Vietnam kerana didorong oleh pelbagai faktor seperti perceraian, kemiskian dan masalah pekerjaan (Haryati, 2010: 74).

Karya catan akrilik di atas kanvas ini merupakan gambaran potret kehidupan seorang pelacur. Imej utama menunjukkan identiti figura wanita yang tubuhnya berpakaian seksi separuh bogel dan postur tubuh yang digayakan membangkitkan kesan erotis. Beberapa tanda teks pada latar belakang seperti perkataan “SHOWGIRL” dan “THAILAND” memperjelaskan lagi identitinya sebagai seorang pekerja seks.

Dari sudut istilahnya, kata *showgirl* dapat didefinisikan sebagai penghibur pentas yang memperagakan atribut tubuh. Perkataan *Thailand* pula merupakan salah satu negara di Asia Tenggara yang menunjukkan asal usul wanita tersebut. Seperti yang dikatakan sebelum ini, mereka yang terlibat dalam kancang pelacuran di negara ini pada umumnya datang dari negara jiran seperti Thailand.

Karakter pelacur pada figura wanita dalam karya ditunjukkan melalui simbol bintang yang tertera pada paha. Istilah “*pornstar*” merujuk pada satu bentuk pekerjaan dalam dunia hiburan, iaitu pelakon filem lucu. Oleh hal yang demikian, sekali lagi simbol pada tubuh atau peha wanita tersebut menunjukkan pekerjaannya sebagai seorang pekerja seks atau dengan kata lainnya seorang pelacur.

Tubuh wanita dan imej perkataan yang terpotong atau terbelah sebagai sifat tidak utuh. Sesuatu yang tidak utuh dimaknai sebagai sesuatu yang tidak lagi bersifat sempurna. Keutuhan adalah konotasi terhadap kesucian, harga diri atau maruah seorang wanita yang telah hilang. Ketidakutuhan bentuk figura banyak disumbangkan oleh kesan penggunaan latar belakang karya yang memaparkan lapisan kertas yang disobek atau dicarik-carik. Secara sedar mahupun tidak, kesan carikan itu membangkitkan kesan pergerakan yang melulu dan tidak ada aturan sebagai simbol perlakuan nafsu buas lelaki terhadapnya.

Mesej perlakuan nafsu terhadap wanita tersebut diperkuatkan lagi melalui imej pakaian dan tubuh wanita tersebut seperti kesan lebam atau calar pada pipi, tengkuk dan tangan. Selain itu, kesan robek pada lengan baju menandakan impak dari perlakuan pelanggan ke atas wanita tersebut. Di sisi yang lain, kesan lebam pada permukaan kulit menyimbolkan suatu bentuk kesengsaraan yang dialami oleh wanita tersebut. Karya ini menterjemahkan bahawa aktiviti seksual sebagai sesuatu yang mendatangkan kesan kesengsaraan.

Makna kesengsaraan diolah dengan lebih tegas oleh Fawwaz melalui postur kaki perempuan yang tertutup rapat. Postur yang ditunjukkan sebagai tanda bagi sikapnya yang tidak bersedia untuk melakukan hubungan seksual. Agaknya, mungkin kerana beliau diperlakukan sebegini teruk oleh pelanggannya. Hal ini

sekali gus memaparkan kefahaman bahawasanya tidak ada manusia atau wanita yang mahu melacurkan dirinya sendiri secara rela melainkan terpaksa, iaitu kerana desakan hidup dari kemiskinan atau masalah pekerjaan, peristiwa perceraian atau diperangkap oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Berdasarkan pada penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa simbol-simbol yang dipaparkan memuatkan mesej tentang kesengsaraan pekerja seks yang berada dalam dunia pelacuran. Kesucian, maruah dan harga diri manusia telah hilang seperti digambarkan dalam karya ini.

KESIMPULAN

Berdasarkan interpretasi dan analisis terhadap empat buah karya Fawwaz Sukri, menunjukkan bahawa karya seni visual dalam kajian ini selari dengan semangat seni visual kontemporari. Turner (1999: 23) menyatakan seni visual sebagai satu bentuk konfrontasi seniman melalui bentuk fenomena yang terjadi dalam masyarakat dan kebudayaan. Karya-karya tersebut berorientasikan latar kontekstual, isu dan permasalahan gejala sosial seperti sumbang mahram, gaya hidup bebas, pembuangan bayi dan pelacuran. Meskipun isu dan persoalan itu bukanlah sesuatu yang baharu tetapi gejala ini dekat dengan hati masyarakat di negara ini.

Bagi mengekspresikan isu dan permasalahan tersebut, Fawwaz menggunakan simbol atau tanda dari pelbagai ilham. Misalnya budaya Melayu, budaya popular dan juga yang digubah berdasarkan pengalaman personal. Apropriasi atau peminjaman simbol dan tanda-tanda dalam karya dikombinasikan dengan simbol dan tanda personal mewujudkan kepelbaaan dalam kesatuan yang menyeluruh dalam karya-karya seni visualnya.

Makna-makna yang dipaparkan dalam karya seni visual beliau merujuk kepada kepelbaaan arah. Di satu sisi, makna-makna yang diungkapkan seperti kekejaman, penindasan, kejahatan, materialistik, penganiayaan dan lain-lain memancarkan mesej yang sarat dengan kritikan sosial. Pancaran negatif dari sikap, tingkah laku dan tindakan manusia telah menyimpang jauh dari nilai budaya dan norma sosial. Dari sudut lain, makna-makna yang diutarakan adalah seperti penderitaan, kesengsaraan, ketakutan dan kecemasan yang memunculkan mesej kemanusiaan yang sungguh menyedihkan dan mengharukan akibat sikap, tingkah laku dan tindakan manusia yang tidak bermoral.

RUJUKAN

- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative & mixed methods approaches*. California: SAGE Publication Inc.
- Gobind, J. & Plessis, G.D. (2015). Sugar daddy: The student attraction. *Journal of Life Centre for Psychological Studies*, 13 (2), 6720–6729.
- Haryati Hassan. (2010). Hubungan pelacuran-penghijrahan: Tarikan atau tolakan? *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 33 (2), 73–94.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ahmad Kilani Mohamed. (2013). Jenayah sumbang mahram: Perkembangan dan faktor penyebarannya. *Prosiding Seminar Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan (Siri Ketiga)*, 16 Oktober 2013. Seremban.
- Linton, R. (1984). *The study of man: Satu kajian terhadap manusia*. (Terjemahan Firmansyah). Bandung: Penerbit Jemmars.
- Mohamad Kamal Abd Aziz & Rahman Bujang. (2016). Kritikan seni: Suatu tinjauan terhadap karya Mohamed Hoessein Enas & Syed Ahmad Jamal sebagai seni warisan bangsa dan budaya Melayu. *Jurnal Perintis Pendidikan Seni Lukis dan Seni Reka INTI FSSR*, 21 (1), 23–38.
- Mohd Azdy Shahrin Nizzam Amarismier. (2019). Kritikan sosial dalam karya seni cetakan Pangrok Sulap di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pascasiswazah Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*, 16 Oktober 2019. Kota Kinabalu.
- Norulhuda Sarnon. (2012). Hamil luar nikah: Memahami remaja sebagai asas intervensi keluarga. *Journal of Social Science and Humanities*, 7(11), 121–130.
- Norzazila Ghazali & Maizatul Azura Yahaya. (2018). Perpaduan dalam seni lukis kartun: Analisis semiotik. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 3 (11), 30–41.
- Nurizzati Ismail. (2014). Peranan warna dalam budaya tradisional Melayu dengan rujukan kepada Sulalat al Salatin. (Tesis Sarjana. Tidak diterbitkan), Pusat Penyelidikan Dasar dan Antarabangsa USM. Pulau Pinang.
- Rohidi, T.R. (2011). *Metodologi penelitian seni*. Semarang: Penerbit Cipta Prima.
- Saidi, A.I. (2008). *Narasi simbolik seni rupa kontemporer Indonesia*. Yogyakarta: ISAACBOOK.
- Sarena Abdullah. (2013). Artis-artis Melayu dan situasi pascamoden: Pendekatan-pendekatan bertema semenjak 1990-an. Dlm. Nur Hanum Khairuddin & Yong, B. (Ed.). *Naratif Seni Rupa Malaysia: Reaksi-Strategi Kritikal Baru*, hlm. 179–193. Kuala Lumpur: Rogue Art, Malaysia.
- Teh, M. (2013). 13 Mei yang lain: Sejarah reaksi seni yang belum berkesudahan. Dlm. Nur Hanim Khairuddin & Yong, B. (Ed.). *Naratif Seni Rupa Malaysia: Reaksi-Strategi Kritikal Baru*. hlm. 112–129. Kuala Lumpur: Rogue Art.
- Turner, C. (1999). *Tradition and change: Contemporary art of Asia and the Pacific*. Queensland: University of Queensland Press.

Temu Bual

Fawwaz Sukri, 32 tahun. Klang, Selangor. Pelukis. Temu bual pada 15 Julai 2019.